



Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura

Kamsiah Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Hal. ix + 431. ISBN 978-983-46-0619-0.

Kesemua makalah yang dimuatkan di dalam buku Kamsiah Abdullah ini adalah kumpulan kertas kerja yang telah ditulis sepanjang kerjaya beliau sebagai pensyarah, pendidik dan penyelidik bahasa. Buku ini bertujuan mengemukakan penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu yang sangat kurang dihasilkan di Singapura. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian 1 mengandungi tujuh bab yang merupakan himpunan kertas kerja yang disiapkan berdasarkan tajuk Kajian Sosiolinguistik. Bahagian 2 pula dikhususkan pada pendidikan bahasa Melayu di Singapura.

Dalam Bahagian 1, iaitu bahagian *Kajian Sosiolinguistik Melayu Singapura*, penulis telah memulai perbincangan dengan Bab *Literasi, Dwiliterasi dan Multiliterasi dalam Pemerkasaan Bahasa*. Bab 1 membincangkan istilah literasi yang telah berubah mengikut perubahan zaman. Dalam bidang pendidikan, istilah ini juga turut berubah. Perubahan ini berpunca daripada perubahan yang berlaku akibat globalisasi dan pesatnya penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat. Kesannya penggunaan bahasa Inggeris terus berleluasa dan menjejaskan penggunaan bahasa tempatan terutama bahasa ibunda. Penulis turut menyentuh tentang cabaran yang akan dihadapi oleh penutur-penutur bahasa Melayu.

Bab 2 yang bertajuk *Bahasa Melayu Sebagai Seni dan Senjata dalam Mencipta Khazanah Ilmu* mengupas tentang bagaimana bahasa Melayu telah mencapai tahap kesenian dan kesenjataan seluas-luasnya terutama dalam era kesultanan dan kedatangan Islam. Sumbangan besar dalam kesusasteraan Melayu juga dikaitkan dengan sumbangan oleh ahli-ahli Sufi dalam bidang sastera sufi dan tasawuf. Bahasa Melayu menurut penulis berupaya dijadikan senjata bagi mencungkil ilmu dan pengetahuan tentang peradaban bangsa Melayu untuk menjadi pemankin dan mempertahankan jati diri bangsa Melayu.

Persoalan bahasa terus dikupas dalam Bab 3 dengan tajuk *Masa Depan Pengajaran Bahasa-bahasa ASEAN*. Bab ini lebih merupakan pendedahan tentang kedudukan penggunaan bahasa-bahasa dalam negara-negara ASEAN dan penilaian penulis tentang keadaan mutakhir di negara-negara tersebut. Juga dimuatkan penjelasan beliau tentang kedudukan bahasa-bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina dan Arab di beberapa buah negara di kawasan ini. Penulis juga cuba meninjau keadaan pembelajaran dan pengajaran bahasa yang mengalami berbagai-bagai perubahan.

Bab 4 yang berjudul *Perencanaan dan Praktis Bahasa di Singapura dalam Menghadapi Globalisasi* dan Bab 5, *Peranan Bahasa dan Komuniti Bahasa Melayu di Singapura dalam Membina Peradaban Baharu*, mengalihkan pemerhatian penulis kepada keadaan perencanaan bahasa di Singapura. Penulis mengimbas perkembangan dasar-dasar pemerintah dan kesannya terhadap bahasa Melayu. Isu-isu ini juga terus dibangkitkan dalam Bab 6, iaitu bab *Pemikiran dalam Isu-isu Bahasa dan Budaya Melayu Singapura*.

Kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Melayu Singapura dikaitkan dengan penurunan dalam kadar pengguna bahasa Melayu. Walaupun perbincangan sejauh Bab 4 hingga 6 lebih bersifat am tentang kedudukan bahasa di Singapura, beliau telah turut memuatkan ulasan tentang keadaan sosio-ekonomi *Wanita Melayu Singapura: Perubahan Empat Dekad (1960-1990)* di dalam Bab 7.

Bahagian 2, *Kajian Pendidikan Bahasa Melayu Singapura*, pula membentangkan bab-bab tentang falsafah, aplikasi, pengkaedahan, amalan dalam pengajaran bahasa Melayu (hal. ix). Beliau mulai bahagian ini dengan Bab 8 yang bertajuk *Sejarah Latihan Guru-guru Melayu Singapura dari Kurun ke-19 Hingga Akhir Kurun ke-20*. Lakaran beliau tentang sejarah perkembangan pendidikan Melayu di Singapura dan implikasinya terhadap kerjaya guru agak menyeluruh. Beliau turut mendedahkan lima kategori guru-guru bahasa Melayu yang telah terlatih hasil daripada sistem pendidikan guru yang telah berubah mengikut keadaan politik setempat.

Bab 9 yang bertajuk *Murid-murid Melayu Prasekolah: Kajian Awal tentang Perkembangan Kognitif*, Bab 10, *Adakah Pelajar Melayu Secara Tabii Lemah dalam Matematik*, dan Bab 13, iaitu *Cerita Eletronik: Satu Inovasi dalam Menyediakan Bahan Pengajaran Bahasa Peringkat Awal*, menyimpang kepada perbincangan mengenai kaedah pengajaran di dalam dunia kanak-kanak prasekolah dan bidang matematik. Bab 9 dan Bab 10 yang dimuatkan di dalam bahagian kajian Bahasa Melayu terasa agak berasingan daripada perbincangan awal tentang bahasa. Pembaca dibawa kembali kepada perbincangan bahasa apabila membaca Bab 11, iaitu *Kemahiran Menulis Surat Kiriman, Karangan Naratif dan Laporan*, dan Bab 12, *Buku Besar dan Kaedah Membaca Bersama dalam Pengajaran*. Kedua-dua bab ini merupakan kajian aplikasi bilik darjah dan yang lebih berfokus kepada teknik pengajaran bahasa Melayu.

Akhir sekali, dalam Bab 14, penulis mengutarakan falsafah bahasa melalui perbincangan bab *Memeluk Akar Menyuluh ke Langit: Falsafah Kebitaraan Berbahasa*. Beliau mengutarakan kepentingan masyarakat Melayu Singapura mempunyai falsafah kebitaraan dalam berbahasa untuk melestarikan penggunaan bahasa dan budaya di Singapura.

Makalah-makalah yang dimuatkan dalam buku ini menghidangkan pembaca dengan berbagai-bagai aspek kajian di dalam pembelajaran bahasa secara am dan pembelajaran bahasa Melayu secara khusus. Penulis telah memberikan pelbagai perspektif sebagai seorang pendidik dan pengkaji yang berpengalaman dengan memberikan rumusan tentang dapatan-dapatan daripada kajian-kajian yang beliau telah lakukan. Ada beberapa bab yang diutarakan bersifat khusus contohnya Bab 10 hingga 13. Ada fakta-fakta yang boleh terus dipelopori dan dijadikan bahan kajian. Diberikan tiga contoh di mana kajian terus boleh dilakukan.

Pertama, dalam bab 11, contohnya, beliau telah melaporkan kajian tentang kemahiran menulis di mana para pelajar Bahasa Melayu di sekolah menengah di Singapura boleh menulis tiga bentuk genre penulisan iaitu bentuk naratif, surat kiriman dan laporan dengan sederhana sahaja. Menurut kajian beliau, didapati para pelajar Melayu Singapura peringkat menengah tidak begitu kreatif. Kajian ini memaparkan bahawa "masalah terbesar adalah mendapatkan isi atau idea yang mencukupi" (hal. 346). Bagi penulisan jenis ini, guru-guru boleh mempertimbangkan apakah jenis-jenis kajian yang boleh dilakukan untuk merangsang kreativiti minda seseorang pelajar itu.

Kedua, isu dominasi guru di dalam bilik darjah (hal. 417). Berdasarkan satu kajian yang dipetik oleh penulis, para guru di sekolah menengah dan sekolah rendah didapati menguasai pengajaran di bilik darjah. Lebih daripada 54.6% masa belajar di sekolah menengah dan 45.4% di sekolah rendah dikuasai oleh guru. Didapati jangka waktu yang diberi kepada pelajar dan soalan-soalan yang diajukan adalah di peringkat pemikiran rendah dan tidak merangsang komunikasi di antara guru dengan pelajar. Dengan pendekatan pedagogi masa kini yang mementingkan interaksi dengan pelajar dan keupayaan pelajar membuat penyampaian, dapatan ini adalah sangat penting dikemukakan kepada guru-guru untuk memikirkan pendekatan-pendekatan baharu dalam teknik pengajaran terutama cara guru menyoal pelajar supaya kajian pendidikan seterusnya akan membantu membaiki prestasi pelajar dalam kebolehan berfikir dan menyampaikan idea.

Ketiga, isu faktor bangsa dan ketiadaan bukti secara alamiah yang menunjukkan kanak-kanak Melayu dan bukan Melayu dilahirkan dengan keupayaan yang berbeza. Malah mereka secara purata mula dengan pencapaian yang sama dalam bidang Matematik. Oleh kerana perbezaan berlaku lebih ketara setelah kanak-kanak berumur 5 tahun ke atas, besar kemungkinan faktor pembudayaan, pendidikan dan persekitaran yang kaya dengan konsep dan aktiviti Matematik kurang diadakan (hal. 321) bagi para pelajar Melayu. Perkara ini boleh membentuk kajian-kajian lain yang dapat mempengaruhi cara kita melakarkan program untuk merangsang kanak-kanak dalam pembelajaran Matematik.

Oleh kerana penulis menyatakan dalam bab Prakata bahawa buku ini adalah himpunan makalah-makalah yang beliau sediakan untuk beberapa persidangan, maka tidak terdapat tema utama yang mengikat semua bab-bab yang dikemukakan. Mungkin baik kalau penulis dapat mengawal kesinambungan di antara bab-bab yang tertulis dengan menggabungkan bab-bab tersebut dengan satu tema.

Walaupun hanya pada Bahagian 2 diberikan tema pengkhususan 'Pendidikan Bahasa Melayu', tema ini amat bersesuaian digunakan untuk keseluruhan buku. Sub-tajuk seperti sejarah pendidikan guru, sejarah pendidikan bahasa Melayu dan falsafah kebitaraan berbahasa boleh difikirkan dan diikuti pula dengan tajuk-tajuk tentang kaedah dan cara pembelajaran bahasa Melayu dahulu dan terkini. Perbincangan dalam analisis bahasa yang saya rasakan amat penting boleh ditekankan lagi dengan menyentuh cabaran masa kini terutama terhadap bahasa Melayu yang melalui proses penghakisan. Buku ini berisi dapatan dan pemerhatian yang amat bermanfaat. Dengan penyusunan yang lebih rapi, para pendidik Bahasa Melayu boleh mendapat gambaran yang lebih menyeluruh dari segi sejarah, perkembangan bahasa Melayu dan cabaran masa kini.

Seperkara lagi, kajian empirikal atau kajian saintifik berkenaan dengan sosiologi bahasa yang berbagai-bagai cabang memerlukan sorotan kajian atau 'literature review' yang luas. Perbincangan lebih terperinci tentang 'Apakah kajian sosiolinguistik itu?' akan memanfaatkan para pembaca buku ini. Mukadimah yang memberi gambaran ringkas dan menyeluruh tentang kajian sosiolinguistik juga dapat menyerlahkan lagi isi buku dan membantu pembaca. Sebagai contoh, kajian-kajian sosiolinguistik yang menjurus kepada kajian bahasa mengenai sesebuah masyarakat boleh dimuatkan. Daripada kajian ahli-ahli bahasa itu, seseorang akan dapat mengkaji tentang masyarakat malah pemikiran dan mungkin nilai-nilai yang dikongsi

bersama sesebuah masyarakat itu. Trudgill (2000), seorang ahli sosiolinguistik menyebutkan tentang perubahan masyarakat mempengaruhi perkembangan bahasa. Ini menunjukkan bahawa kajian sosiolinguistik merangkumi pelbagai aspek pengajian bahasa dan bahasa sebagai wahana berkomunikasi.

Untuk menjadikan sesuatu kajian ilmiah itu lebih kejam, setiap analisis perlukan huraian penuh. Dalam buku ini, huraian tentang kajian kognitif tajaan Piaget amat diperlukan untuk memahami bagaimana beliau membina perbincangan tentang perkembangan akal kanak-kanak dan mungkin apakah kelemahan-kelemahan teori beliau. Ada beberapa konsep yang perlu penjelasan lanjut pada bahagian 1 buku ini agar pembaca dapat memahami konsep-konsep tersebut dengan lebih baik. Penulis telah menerangkan mengenai literasi, dwiliterasi dan multiliterasi. Namun, artikel mengenai literasi, dwiliterasi dan multiliterasi ini akan bertambah kukuh sekiranya takrifan multiliterasi yang dimaksudkan diberi. Cadangan penulis buku supaya menambah daya dan meningkatkan "kemahiran literasi dan selanjutnya, multiliterasi" seolah-olah menyarankan supaya masyarakat kita memiliki kebolehan bertutur berbagai-bagai bahasa. Mungkin kita boleh memikirkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 lainnya yang dianggap penting dan yang disebut-sebut oleh pengkaji multiliterasi. Di samping kemahiran membaca dan menulis yang masih dianggap asas kukuh yang mesti kita bina – kemahiran lain yang penting adalah membuat seperti kajian, menganalisis dan memilih informasi yang pelbagai dan yang beretika:

"among other things, they need to know how to access books and articles through a library; to take notes and integrate secondary sources; to assess the reliability of data; ... to distinguish fact and fiction, facts and opinion; to construct arguments." (Jenkins, 2006: 19)

Dalam abad ke-21 ini, menguasai dua bahasa digalakkan tetapi lebih penting lagi kebolehan/kemahiran baharu perlu diterapkan dalam pendidikan untuk mengembangkan kemahiran berbahasa dan berinteraksi dengan masyarakat global dan bagaimana pelajar boleh menangani dengan baik kehadiran rangkaian sosial atau 'social networking' yang begitu berleluasa sekarang.

Kajian-kajian akademik di dalam bidang bahasa Melayu seperti yang dihasilkan oleh penulis sangat didambakan. Pelajar-pelajar yang ingin membuat penyelidikan mesti didedahkan dengan kepakaran-kepakaran di dalam bidang-bidang ini. Satu lagi cabaran bagi para pendidik adalah melazimkan diri dengan pelbagai teori yang dikemukakan ahli-ahli bahasa. Mereka berhadapan dengan persoalan bagaimana dapat mengaplikasi pengetahuan teori dan penyelidikan di dalam bilik darjah. Semua butiran seperti yang disebutkan perlu dikongsi dan dibincangkan untuk memberikan idea dan laluan untuk kajian-kajian akan datang. Walaupun terdapat beberapa cadangan seperti yang telah dijelaskan tadi, buku *Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura* hasil tulisan Kamsiah Abdullah berjaya membuka ruang untuk penyelidikan dan penulisan ilmiah dalam bahasa Melayu seterusnya.

AISHAH BINTE MOHAMAD KASSIM, *Universiti Nasional Singapura, Singapura*

Rujukan

Trudgill, P. (2000). *Sociolinguistics: An Introduction to Language and Society* (4th ed.). UK: Penguin Groups.

Jenkins, H. (2006). *Confronting the Challenges of Participatory Culture: Media Education for the 21st Century*. USA: MacArthur Foundation.